

# 1,174 premis tabika, taska ditutup akibat HFMD

**Kuala Lumpur:** Penularan penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) menyebabkan 1,174 premis tabika dan taska di seluruh negara ditutup sepanjang tempoh lima bulan pertama tahun ini.

Selain 81 peratus atau 946 premis diarah tutup bagi tujuan kawalan dan pencegahan wabak mengikut Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit 1988 (Akta 342), baki 19 peratus atau memabitkan 288 premis ditutup pemilik secara sukarela bagi mengelak risiko jangkitan HFMD.

Timbalan Menteri Kesihatan 1, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali berkata, mengesahkan perkara itu dengan 715 premis atau 61 peratus daripada keseluruhan taska dan tabika yang ditutup itu dibenar untuk dibuka semula selepas pemeriksaan dijalankan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) bagi membasmi kuman dan langkah kawalan untuk membendung penularan penyakit itu.

“Selepas kerja sanitasi dibuat dan sebagainya, maka mereka (premis yang ditutup) dibenarkan untuk dibuka,” katanya kepada BH, semalam.

Mengikut data, Kuala Lumpur merekodkan penutupan premis paling tinggi dengan 301 taska dan tabika, diikuti Selangor (275), Perak (176), Johor (65), Kedah (54), Negeri Sembilan (46), Perlis (42), Sabah (40), Melaka (36), Pahang (34) dan Pulau Pinang (31).

Selain itu, 29 premis ditutup di Kelantan, 28 di Terengganu dan 19 premis di Labuan, manakala Sarawak tiada rekod premis tabika atau taska ditutup disebabkan HFMD.

Memandangkan kes HFMD masih tinggi melebihi paras 30,000 kes di negara ini, Dr Noor Azmi mengingatkan pemilik premis terutama pengusaha tabika dan taska supaya mengutamakan kebersihan diri serta persekitaran premis.

Beliau menyarankan pengusaha tabika dan taska untuk melakukan saringan sebelum memasuki kawasan premis sebagai langkah pencegahan awal untuk mengesan gejala HFMD.

Selain itu, katanya ibu juga dinasihat bersama-sama memainkan peranan dalam membendung, sekali gus membanteras pe-

nularan HFMD supaya tidak dijangkiti, sekali gus menjadi pembawa sehingga menjangkiti orang lain.

“Sekali lagi saya mahu ingatkan terutamanya pengusaha taska, tabika dan prasekolah termasuk guru serta ibu bapa untuk menjaga dan jalankan sanitasi diri sendiri. Cuci tangan sebelum dan selepas kendalikan anak-anak.

“Pihak tabika dan taska juga kena buat saringan di pintu masuk. Kalau ada tanda (gejala HFMD) jangan bagi masuk dan pengusaha mesti buat laporan kepada PKD secepat mungkin untuk notifikasi,” katanya.

HFMD adalah penyakit disebabkan Enterovirus dengan majoriti kes disebabkan oleh virus Coxsackie Virus A16 dan Enterovirus 71 (EV71).

Penyakit itu merebak secara kontak dengan air liur, cecair lepuh (*blister*) dan najis pesakit. Ia cepat menular dalam kalangan kanak-kanak termasuk menjangkiti semua golongan umur, tetapi kanak-kanak bawah umur enam tahun adalah lebih berisiko.